PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR
TINGKAT LG,G,1,3,4
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40576 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

*No. Tel : 603-5544 7000*
*No. Faks : 603-5510 2658*
*Talian Bebas Tol : 1-800-88-2624*
*URL : https://ptg.selangor.gov.my*
*E-mail : ptgs@selangor.gov.my*

#KitaSelangor

Ruj. Kami : Bil.(24)dlm.PTGS/PT60/00/2010 Jld.7
Tarikh : 9 Safar 1446H
14 Ogos 2024

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PENYELARASAN ALIRAN BAYARAN FI PERMOHONAN KEBENARAN PINDAHMILIK MENYELURUH (KPMP) SERTA PENGENAAN FI PERMOHONAN BAGI URUSAN PERMOHONAN PEMBATALAN DAN PENGGANTIAN NAMA (PPPN) DAN PERMOHONAN KEBENARAN LANJUT TEMPOH SURAT KEPUTUSAN (KLTS)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sepertimana pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, aliran bayaran sedia ada bagi urusan Permohonan Kebenaran Pindahmilik Secara Menyeluruh (*Blanket Consent)* iaitu bayaran fi permohonan sebanyak RM50.00 bagi setiap hakmilik dan bayaran salinan sah surat kelulusan sebanyak RM50.00 bagi setiap hakmilik hanya dikenakan semasa pihak pemaju / pemohon mengemukakan permohonan rasmi bagi tujuan pendaftaran.

3. Mesyuarat Helpdesk dan Service Level Agreement (SLA) Sistem e-Tanah Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2024 yang diadakan pada 10 Januari 2024 telah bersetuju menyelaras bayaran fi permohonan Kebenaran Pindahmilik Secara Menyeluruh (KPMP) dikenakan semasa permohonan KPMP di Portal Awam e-Tanah. Selain daripada itu, Permohonan Pembatalan dan Penggantian Nama (PPPN) dan Permohonan Kebenaran Lanjut Tempoh Surat Keputusan Kebenaran (KLTS) akan dikenakan fi permohonan mengikut kadar yang ditetapkan oleh Kaedah Tanah Selangor Tahun 2003. Untuk makluman, bayaran bagi urusan Kebenaran Pindahmilik Menyeluruh (*Blanket Consent*) tidak lagi dikenakan semasa urusan pendaftaran. Berikut disertakan Jadual Penyelarasan Bayaran Fi bagi setiap urusan dan Carta Aliran Proses Bayaran sebagai rujukan.

**PENYELARASAN ALIRAN BAYARAN FI PERMOHONAN KEBENARAN PINDAHMILIK MENYELURUH (KPMP) SERTA PENGENAAN FI PERMOHONAN BAGI URUSAN PERMOHONAN PEMBATALAN DAN PENGGANTIAN NAMA (PPPN) DAN PERMOHONAN KEBENARAN LANJUT TEMPOH SURAT KEPUTUSAN (KLTS)**

Ruj. Kami: Bil.(24)dlm.PTGS/PT60/00/2010 Jld.7

## Jadual Penyelarasan Bayaran Fi

**i. Permohonan Kebenaran Pindahmilik Menyeluruh (KPMP)**

| Sedia ada | Mulai 1 September 2024 |
|---|---|
| Bayaran fi permohonan (RM50.00) per hakmilik dan bayaran salinan sah surat keputusan (RM50.00) per hakmilik dibayar semasa perserahan di Bahagian Pendaftaran | Bayaran fi permohonan (RM50.00) per hakmilik dibayar secara atas talian (Portal Awam e-Tanah) semasa Permohonan Kebenaran Pindahmilik Menyeluruh (KPMP) |
| Tempoh sah surat kelulusan : 2 tahun | Tempoh sah surat kelulusan : 3 tahun |

**ii. Permohonan Pembatalan dan Penggantian Nama (PPPN)**

| Sedia ada | Mulai 1 September 2024 |
|---|---|
| Tiada bayaran | Bayaran fi permohonan (RM50.00) per hakmilik |

**iii. Permohonan Kebenaran Lanjut Tempoh Surat Keputusan (KLTS)**

| Sedia ada | Mulai 1 September 2024 |
|---|---|
| Bayaran salinan sah surat keputusan (RM50.00) | Bayaran fi permohonan (RM50.00) per hakmilik |

## Carta Aliran Proses Bayaran




Kemasukan permohonan di Portal Awam e-Tanah bagi urusan KPMP, PPPN, KLTS dan muatnaik dokumen senarai semak.

Bayaran secara atas talian dan hantar permohonan. Resit permohonan akan dijana.

Surat Keputusan

Bayaran permohonan PMT di SPOC Pendaftaran

Tamat

**PENYELARASAN ALIRAN BAYARAN FI PERMOHONAN KEBENARAN PINDAHMILIK MENYELURUH (KPMP) SERTA PENGENAAN FI PERMOHONAN BAGI URUSAN PERMOHONAN PEMBATALAN DAN PENGGANTIAN NAMA (PPPN) DAN PERMOHONAN KEBENARAN LANJUT TEMPOH SURAT KEPUTUSAN (KLTS)**

Ruj. Kami: Bil.(24)dlm.PTGS/PT60/00/2010 Jld.7

**Aliran Proses Bayaran**

a) Pada Portal Awam e-Tanah pilih Modul Consent, pilih urusan KPMP / PPPN / KLTS dan muatnaik dokumen Senarai Semak seterusnya membuat bayaran permohonan.

b) Resit permohonan akan dijana selepas bayaran dibuat (menggantikan slip permohonan atas talian).

c) Maklumat fi permohonan seperti berikut:
   a. **Urusan KPMP**, fi permohonan adalah RM50.00 per hakmilik.
   b. **Urusan PPPN**, fi permohonan adalah RM50.00 per hakmilik.
   c. **Urusan KLTS**, fi permohonan berdasarkan dua (2) senario berikut:
      i. **Permohonan bagi surat keputusan yang diproses melalui Sistem e-Tanah, RM50.00 per hakmilik.**
      ii. **Permohonan sebelum Sistem e-Tanah RM100.00 perhakmilik.** Pecahan fi bayaran adalah RM50.00 bagi bayaran fi permohonan dan RM50.00 bagi salinan sah surat keputusan (tiada bayaran akan dikenakan bagi urusan *Blanket Consent* semasa perserahan di Bahagian/Unit Pendaftaran)

d) Bagi Surat Keputusan Kebenaran Pindahmilik Menyeluruh (KPMP) yang dijana melalui Sistem e-Tanah sebelum pelaksanaan penyelarasan fi bayaran berkuatkuasa dan surat keputusan tersebut masih dalam tempoh sah laku, fi permohonan RM50.00 perlu dibuat melalui Sistem Smartbox, kod bendahari H0272462.

e) Resit bayaran perlu dikemukakan semasa perserahan kepada di Bahagian Pendaftaran sebagai bukti pembayaran.

4. Penyelarasan aliran fi bayaran bagi urusan Permohonan Kebenaran Pindahmilik Menyeluruh (Blanket Consent) Serta Pengenaan Fi Permohonan Bagi Urusan Permohonan Pembatalan dan Penggantian Nama (PPPN) dan Permohonan Kebenaran Lanjut Tempoh Surat Keputusan (KLTS) ini adalah berkuat kuasa mulai **3 September 2024.** Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut boleh menghubungi Unit Kebenaran Pindahmilik Menyeluruh (*Blanket Consent*) di talian 03-55447816 / 7765 / 7416.

Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"#KITASELANGOR MAJU BERSAMA"**
**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' DR. YUSRI BIN ZAKARIAH)** D.S.I.S., S.M.S.
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

s.k.: Timbalan Pengarah (Pendaftaran)
Timbalan Pengarah (Pengurusan)
KPP (Pendaftaran Hakmilik)
KPP (Hasil)
KPP (Pembangunan)
KPP (Teknologi Maklumat)
PP (Korporat)
PP (Pembangunan)2

**PENYELARASAN ALIRAN BAYARAN FI PERMOHONAN KEBENARAN PINDAHMILIK MENYELURUH (KPMP) SERTA PENGENAAN FI PERMOHONAN BAGI URUSAN PERMOHONAN PEMBATALAN DAN PENGGANTIAN NAMA (PPPN) DAN PERMOHONAN KEBENARAN LANJUT TEMPOH SURAT KEPUTUSAN (KLTS)**

Ruj. Kami: Bil.(24)dlm.PTGS/PT60/00/2010 Jld.7

**SENARAI EDARAN**

1. Pentadbir Tanah Petaling
   Pejabat Daerah dan Tanah Petaling
   No. 1, Persiaran Atmosfera, Seksyen U5
   40150 Shah Alam, Selangor

2. Pentadbir Tanah Klang
   Pejabat Daerah dan Tanah Klang
   Jalan Kota
   41902 Klang, Selangor

3. Pentadbir Tanah Gombak
   Pejabat Daerah dan Tanah Gombak
   Bangunan Sultan Sulaiman
   Persiaran Pegawai
   Bandar Baru Selayang
   68100 Batu Caves, Selangor

4. Pentadbir Tanah Hulu Langat
   Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat
   Kompleks Pentadbiran Daerah
   Bangunan Sultan Hisamuddin Alam Shah
   Persiaran Pusat Bandar 1, Seksyen 9
   43650 Bandar Baru Bangi, Selangor

5. Pentadbir Tanah Sepang
   Pejabat Daerah dan Tanah Sepang
   Bangunan Tun Aziz
   Bandar Baru Salak Tinggi
   43900 Sepang, Selangor

6. Pentadbir Tanah Kuala Langat
   Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat
   Persiaran Sultan Abdul Aziz Shah
   Kota Seri Langat (Sungai Sedu)
   42700 Banting, Selangor

7. Pentadbir Tanah Kuala Selangor
   Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor
   45000 Kuala Selangor, Selangor

8. Pentadbir Tanah Hulu Selangor
   Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor
   Jalan Bukit Kerajaan
   44000 Kuala Kubu Baharu, Selangor

9. Pentadbir Tanah Sabak Bernam
   Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam
   Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Sabak Bernam
   45300 Sungai Besar, Selangor

10. Selangor Bar Committee
    No.37,39 & 41, Jalan Bola Jaring
    13/15, Seksyen 13
    40100 Shah Alam, Selangor

11. REHDA Selangor
    Wisma REHDA
    No. 2C, Jalan SS5D/6, Kelana Jaya
    47301 Petaling Jaya, Selangor